

28/10/2003

Negara berhadapan golongan anti-Islam: Dr Mahathir

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Kumpulan yang bercadang mengenakan tekanan terhadap Malaysia kerana menuduh pucuk pimpinan anti-Semitik sebenarnya anti-Islam dan umatnya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kumpulan dan masyarakat berkenaan boleh bersifat anti-Islam tetapi mengharamkan orang lain menyatakan satu perkataan buruk mengenai Yahudi.

"Ini menyebabkan seseorang dituduh sebagai anti-Semitik. Ya kita berhadapan golongan anti-Islam," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Pelanggan e-perolehan dan e-spkb (sistem perancangan dan kawalan belanjawan elektronik 2003) di Kementerian Kewangan (MOF) di sini, semalam.

Beliau ditanya sama ada publisiti anti-Semitik besar-besaran terhadapnya akan mengabui segala pencapaian beliau selama 22 tahun sebagai Perdana Menteri terutama dalam ekonomi dan pembangunan negara.

Beberapa media asing sebelum ini melaporkan Dr Mahathir akan 'keluar' daripada kerajaan dalam keadaan di mana semua pencapaiannya tidak akan diingati berikutan kenyataan beliau mengenai Yahudi.

Dr Mahathir menimbulkan kemarahan pemimpin Barat dan Eropah ekoran ucapannya pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di sini baru-baru ini, yang antara lain berkata Yahudi kini menguasai dunia dengan menggunakan proksi.

Apabila ditanya sama ada beliau mempedulikan dakwaan Barat bahawa legasi ekonominya musnah berikutan kenyataannya terhadap Yahudi, Dr Mahathir berkata, beliau tidak terlalu gusar pandangan Barat terhadapnya.

"Saya tidak peduli jika bangsa Eropah tidak menyukai saya. Saya mempunyai kawan dari Eropah tetapi jika mereka melakukan kesalahan, saya akan menyatakannya," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Kesatuan Eropah (EU) berada di bawah pengaruh Yahudi apabila membidasnya berhubung kenyataan mengenai Yahudi.

"Apabila seseorang membidas umat Islam dan memanggil Nabi Muhammad pengganas, adakah Kesatuan Eropah (EU) berkata apa-apa. Ini menunjukkan mereka di bawah telunjuk Yahudi," katanya.

Perdana Menteri, yang akan bersara Jumaat ini bagaimanapun mengulangi kenyataannya sebelum ini bahawa beliau tidak menentang bangsa Yahudi secara keseluruhan.

"Saya kenal ramai Yahudi tetapi saya tidak menentang mereka. Saya menentang Yahudi yang membunuh umat Islam dan Yahudi yang menyokong pembunuh umat Islam," katanya.

Ditanya kenapa sesetengah pemimpin Islam tidak menyatakan sokongan secara terbuka terhadap kenyataannya itu, Dr Mahathir berkata, kemungkinan mereka takut tindakan akan diambil terhadap mereka.

"Mereka lebih lemah daripada kita. Mereka mungkin mempunyai lebih

banyak

wang tetapi mereka masih bergantung kepada Eropah. Atas sebab itu, mereka

keberatan untuk menyuarakan pendapat mereka tetapi secara senyap-senyap sudah pasti mereka sokong," katanya.

Mengenai tekanan ekonomi ke atas Malaysia, Dr Mahathir percaya negara dapat menghadapinya berdasarkan pengalaman sebelum ini.

"Kita berupaya menghadapi banyak tekanan. Di masa lampau kita telah berjaya melakukannya. Mereka telah cuba membunuh kita dari segi ekonomi, mereka merampas wang kita, mereka memiskinkan kita. Namun kita tetap berjaya menghadapinya.

"Dan kita akan terus dapat menghadapinya. Saya yakin bahawa pengganti saya (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) akan berupaya berbuat demikian," katanya.